

Banjir ekoran projek pembangunan - JPS

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengesahkan kejadian banjir yang berlaku lapan kali sebulan di Kampung Bukit Lanjan, Damansara, Petaling Jaya dekat sini disebabkan projek pembangunan di kawasan tersebut.

JPS memaklumkan, pihak pemaju telah membeli dua lot tanah di kawasan tersebut dan akan dibangunkan.

"JPS Selangor telah berbincang dengan pihak pemaju tersebut atas tujuan pembangunan pada masa akan

datang untuk menaiktaraf saluran utama di Sungai Kayu Ara," menurut kenyataan tersebut di sini hari ini.

Ia adalah bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* pada 1 Januari lepas berhubung kejadian banjir yang berlaku sebulan lapan kali di kawasan berkenaan.

Menurut kenyataan itu, penduduk mendakwa kejadian banjir terjadi selepas kawasan tersebut dibangunkan secara komersial selain sisa binaan banyak dibuang ke dalam sungai berhampiran yang menyebabkan alirannya tersekat.

3 keluarga di Kampung Bukit Lanjan resah setiap kali hujan

Sebulan 8 kali dilanda banjir

Oleh NORMAHARAH JAHALUDDIN
Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Setiap kali hujan gelap berarak di malam hari di Kampung Bukit Lanjan di sini, tiga keluarga yang menetap di kampung itu akan mula resah.

Maka tidaknya, setiap kali hujan, tidak sampai beberapa jam pashi rumah mereka akan dinaiki air, yang telah mencelah ketegangan lebih lama.

Menurut mereka pada buaya sudah lapan kali ke rumah mereka dilanda banjir.

Mereka mendakwa bencana alam ini berlaku sejak projek pembangunan sebuah pusat beli-belah dibina di belakang kawasan rumah mereka.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke kawasan tersebut hari ini mendapati sampah, besi dan bahan-bahan lain terdampar di sungai.

menggrah surut

Northisham Salih, 30, berkata, harapan sebelum ini mereka sering dilanda banjir namun tidak seteruk yang dihadapi akhir-akhir ini.

"Sejak projek pembinaan itu bermula, tidak ada hujan lebih dari dua pashi rumah kami akan dinaiki air."

"Kami sudah penat mencari pejabat dan pakatan yang keton akibat banjir," katanya.

Abanguya, Nor Azli Salih, 36, berkata, sebelum projek pembinaan itu bermula, dua lima seratus buah keluarga telah dipindahkan ke perumahan Damai dan hanya tiga keluarga mereka sahaja tidak dipindahkan kerana kawasan rumah mereka tidak terliat dengan projek berkenaan.

"Memanglah rumah kami tidak berada dalam kawasan banjir itu, namun jarak antara rumah kami dengan projek pembinaan itu sangat dekat."



KERATAN *Utusan Malaysia* 1 Januari 2014.